

Permudah proses lulus perniagaan, pembangunan

PM mahu urusan dipercepat tanpa berkompromi dengan peraturan bagi tarik pelabur

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kelulusan permohonan perniagaan, pembangunan dan guna tanah dipercepatkan bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi tumpuan pelabur.

Namun, Perdana Menteri menegaskan dalam memudah cara proses itu, ia seharusnya dibuat tanpa berkompromi dengan undang-undang negara.

Katanya, arahan itu bukan saja membabitkan pelaksanaan di peringkat Kerajaan Persekutuan, tetapi juga di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Beliau menegaskan demikian sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-45 yang menyentuh pelbagai isu penting membabitkan Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam meneliti perkara terkait perancangan pembangunan bandar, desa dan guna tanah negara.

"Meskipun negara telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif dan peningkatan dari segi kecepatan kelulusan pembangunan, saya tekankan bahawa Kerajaan MADANI akan terus memperkasa agenda bagi memudahcara perniagaan.

"Justeru, semua pihak membabitkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan harus meningkatkan kepantasan memberi kelulusan tanpa berkompromi dengan peraturan yang berkuat kuasa.

"Ia bagi menjadikan Malaysia tumpuan pelabur dalam rantau ini," kata Perdana Menteri dalam hantaran di Facebook rasminya selepas MPFN ke-15, semalam.

Mekanisme urus REE

Antara inti pati lain yang turut dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan, kata Anwar, berkait mekanisme kawalan dan pengu-

"Semua pihak membabitkan Kerajaan Persekutuan, negeri serta pihak berkuasa tempatan harus tingkatkan kepantasan beri kelulusan tanpa berkompromi dengan peraturan yang berkuat kuasa"

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



rusan bagi aktiviti perlombongan unsur nadir bumi (REE).

Beliau berkata, ia penting dalam mengimbangi pulangan ekonomi serta mengambil kira aspek kemampanan alam sekitar, selain tidak mengganggu kawasan hutan simpan.

"Insya-Allah, sinergi di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan terus dimantapkan bagi mewujudkan landskap perancangan pembangunan yang lebih holistik," katanya.

Oktober lalu, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) ketika itu mengumumkan kerajaan negeri dibenar membuat penerokaan awal REE berdasarkan

prosedur operasi standard (SOP) sedia ada untuk perlombongan nadir bumi dan mineral.

Ia susulan ucapan Perdana Menteri ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) yang membenarkan kerajaan negeri melaksanakan eksplorasi awal REE berdasarkan SOP NR-REE (REE tanpa radioaktif) dan dasar mineral sedia ada.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Industri Mineral (JKPPIM), yang akan turut melihat keperluan dalam melaksanakan rangka kerja kebangsaan bagi pembangunan industri mineral, contohnya bagi tujuan pengekstrakan REE.